

KPDNHEP serbu 'food truck' didakwa salah guna ayat al- Quran

Roskhoirah Yahya
15 Julai 2019 4:55 PM



MD NAZIR MOHAMAD menunjukkan tulisan 'bismillah' di 'food truck' ketika Ops Halal diadakan di Jalan Bukit Pantai, Bangsar di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

KUALA LUMPUR - Satu pasukan penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyerbu sebuah ' food truck' di Jalan Bukit Pantai yang didakwa menggantungkan ayat suci al-Quran bagi mengaburi mata pelanggan.

Ketua Unit Operasi Bahagian Penguatkuasa KPNDNHEP Putrajaya, Md Nazir Mohamad memaklumkan serbuan itu dilakukan berikutan aduan yang tular di media sosial baru - baru ini.

"Serbuan hari ini mendapati 'food truck' yang menjual rojak itu diuruskan oleh dua orang warga asing berasal dari India dan bukan beragama Islam namun didakwa pemiliknya adalah seorang muslim.

"Bagaimanapun, siasatan mendapati pemiliknya adalah seorang muslim dan tiada isu berbangkit mahupun sebarang tindakan diambil kerana menggajikan pekerja warga asing bukan di bawah kuasa KPDNHEP," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.- UTUSAN ONLINE.